

# DARURAT DI TANAH MELAYU

## BAYANG-BAYANG PETA SEJARAH SILAM

Tarikh 31 Julai 2024, maka genaplah 64 tahun penamatan darurat di Tanah Melayu pada tarikh yang sama pada tahun 1960.

**P**enamatan tersebut berlaku di bawah pentadbiran Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang merupakan Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, di samping pemimpin Parti Perikatan pada ketika itu.

Pengakhiran itu dibuat setelah berlangsungnya 12 tahun darurat yang telah diisytiharkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent pada 16 Jun 1948. Pengisytiharan berkenaan sejurus selepas peristiwa pembunuhan tiga orang pengurus berbangsa Eropah, iaitu Arthur Walker, John A. Allison dan I. D. Christian di estet Sungai Siput yang dikaitkan dengan serangan komunis oleh penjajah British.

Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas; sejarah darurat di Tanah Melayu ini sentiasa malar segar untuk dibincangkan. Lebih-lebih lagi, apabila dikaitkan dengan konteks antarabangsa. Antara watak politik antarabangsa yang menyebabkan darurat ini menjadi isu rentas geografi, termasuklah Amerika Syarikat (AS) selain negara Komanwel seperti New Zealand dan Australia kerana negara ini merupakan sekutu British yang berkongsi matlamat sama untuk membendung komunis.

Secara tidak langsung, perkara terbabit telah menggambarkan Tanah Melayu sebagai sebuah entiti dalam lingkungan politik global dan tidak terpisah dari pertikaian yang menyaksikan pertembungan antara blok demokrasi dengan blok komunis dalam kerangka Perang Dingin.

Sewaktu darurat sedang berlaku, landskap politik antarabangsa sememangnya memasuki era bipolar yang membentuk pertembungan antara AS dengan Kesatuan Soviet atas persaingan ideologi, geostrategik, ekonomi, persaingan ketenteraan, di samping pencapaian teknologi sains. Antara perkara yang membawa kepada terjadinya keadaan sedemikian ialah pelaksanaan Doktrin Truman pada bulan Mac 1947 yang

merupakan bentuk bantuan USD400 juta kepada Greece dan Turki bagi membendung peluasan komunis dan pengenalan Rancangan Marshall (Rancangan Pemulihan Eropah), iaitu bantuan berbentuk ekonomi dengan nilai USD12 bilion kepada negara Eropah Barat.

Hal ini dilihat oleh Kesatuan Soviet sebagai satu ancaman kepada kedudukannya di pentas politik antarabangsa, lalu mendorong kepada pembentukan Doktrin Zhdanov sejurus selepas ucapan oleh perwakilan Kesatuan Soviet, Andrei Zhdanov. Keadaan menjadi lebih kritikal apabila British sendiri telah berusaha dan menggesa penubuhan North Atlantic Treaty Organization (NATO) pada tahun 1949 yang telah menggembelng kerjasama negara seperti AS, Belanda, Belgium, Kanada, Denmark, Iceland, Itali, Luxembourg, Norway, Perancis, Portugal dan United Kingdom.

Sebagai reaksi, Kesatuan Soviet telah mengaktifkan pembangunan senjata nuklear yang diuji secara rasmi pada tahun 1949. Pada masa yang sama, pembentukan Pakatan Warsaw turut menghimpunkan negara prokomunis di Eropah dalam satu perjanjian kolektif ketenteraan. Di bahagian benua Asia pula, kejayaan Mao Zedong menubuhkan sebuah kerajaan komunis pertama pada 1 Oktober 1949 telah menjadikan konflik Perang Dingin ini semakin meluas ke benua Asia yang boleh disifatkan sebagai buku bertemu ruas.

Dalam konteks darurat, hal ini tidak terhad kepada persoalan pentadbir British untuk memerangi gerakan komunis semata-mata pada peringkat domestik, malahan perkara itu turut membabitkan kerjasama dengan negara serantau lain, terutamanya Thailand. Pada Julai 1949, Setiausaha Pejabat Luar British, Sir Ernest Bevin telah mengumumkan bahawa kawalan di bahagian sempadan Tanah Melayu telah dicapai dengan persetujuan pentadbir kerajaan Thailand baai

mengekang pergerakan anggota komunis. Perkara tersebut kemudiannya turut didasari dengan kepentingan un kawalan di bahagian Segenting Kra (Selatan Thailand) daripada menjadi laluan penyusupan bantuan komunis dari luar Tanah Melayu.

Sewaktu darurat memasuki tahun ketujuh, ancaman komunis yang radikal dari Kesatuan Sekerja di Singapura tu dilihat oleh British sebagai ancaman untuk kedudukannya di Tanah Melayu. Hal ini selari dengan kenyataan oleh sarjana seperti Leong Yee Fong yang telah memperincikan ancaman tersebut berdasarkan gerakan buruh radikal khususnya di kawasan Middle Road di Singapura dalam bukunya, *Labour and Trade Unionism in Colonial Malaya*. Situasi ini menunjukkan bahawa darurat pada waktu itu bukannya bersifat tertutup, tetapi mempunyai kaitan ant. satu sama lain sama ada dalam bentuk kerjasama keselamatan dengan pihak luar mahupun penyusupan ancaman komunis rentas geografi.

Untuk memastikan kawalan dalam bentuk kolektif, British turut membent. kerjasama pertahanan dengan negara Komanwel, khususnya Australia dan New Zealand. Tindakan ini dibuat adal untuk membentuk satu lingkungan kawalan di bahagian laluan laut, bahagian darat serta kawalan ruang udara. Pemilihan Australia dan New Zealand ini kerana kedua-dua negara tersebut merupakan sekutu Anglo-Sax dan negara berkenaan turut berkongsi satu pendirian yang sama, iaitu antikomunis.

Dengan itu, kesepakatan yang dica. terhasil dalam bentuk *Australia, New Zealand and Anglo-Malaya (ANZAM)*,



sebelum diperluas kepada *Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA)* pada tahun 1957. Terbukti, British tidak bertepuk sebelah tangan untuk membendung ancaman komunis apabila isu tersebut mendorong kerjasama dalam kalangan sekutu-sekutunya. Hubungan erat ini telah diperkukuh khususnya daripada ANZAM sewaktu teretusnya Perang Korea kerana British berpendirian bahawa konflik tersebut mampu memberikan ancaman kepada kedudukannya di Tanah Melayu dan perkara ini turut dibincangkan oleh sejarawan, seperti Nicholas Tarling dalam karya magnum opus beliau, *Britain, Southeast Asia and the Impact of the Korean War*.

Selain itu, pelibatan AS turut menjadikan darurat di Tanah Melayu sebagai sebuah isu antarabangsa kerana kuasa besar tersebut turut berperanan secara langsung dan tidak langsung sepanjang 12 tahun darurat berkenaan. Hal ini terbukti menerusi misi-misi khas dari Washington yang dihantar ke Tanah Melayu sekitar tahun 1950 hingga 1952, yang terdiri daripada Misi Jessup, Misi Griffin, Misi Melby dan Misi Judd.

Tindakan ini bertujuan untuk meninjau keadaan darurat di Tanah Melayu, penyaluran bantuan ekonomi dalam bentuk nilai dolar, pembekalan bahan pendidikan khususnya untuk sekolah vernakular Cina, selain daripada bantuan peralatan ketenteraan dan pinjaman helikopter pemusnah.

Perkara ini diperkukuhkan dengan komitmen yang diberikan oleh para Konsulat AS di Tanah Melayu sebagai sokongan kepada pihak pentadbir British dalam menangani komunis khususnya sewaktu perkhidmatan William L. Blue (1947–1950), Richard

A. Poole (1950–1954), Eric Kocher (1954–1957) dan kemudiannya Duta AS yang pertama ke Tanah Melayu, Homer M. Byington pada tahun 1957. Ibarat orang mengantuk disarungkan bantal, British benar-benar menerima manfaat di sebalik sokongan AS ini untuk memperkukuhkan kedudukannya di Tanah Melayu semasa darurat.

Dari sudut yang lain, gerakan komunis Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu itu sendiri turut mempunyai hubungan dengan komunis dari luar terutamanya dari kawasan Indochina dan Tanah Besar China. Hubungan berkenaan terhasil menerusi sokongan dalam bentuk tenaga manusia, di samping pembekalan risalah propaganda mahupun karya yang berpaksikan ideologi komunis.

Anggota PKM seperti Abdullah C.D. telah membuat pengakuan dalam memoir beliau bahawa wujudnya hubungan antara gerakan komunis di Tanah Melayu dengan komunis pimpinan Ho Chi Minh di Indochina sewaktu pihak tersebut menentang kolonial Perancis pasca Perang Dunia Kedua. Anggota wanita PKM seperti Suriani Abdullah dan Setiausaha PKM, Chin Peng mengakui bahawa mereka memperoleh dan menerima pengaruh dari karya, *Red Star Over China* tulisan Edgar Snow bagi menggerakkan strategi pihak komunis di Tanah Melayu.

Kesemua keterangan terbabit menuntut kita sebagai generasi hari ini

supaya melihat darurat itu dengan pelihatan mata burung dan bukannya dalam ruang sempit seperti katak di bawah tempurung. Sebagai rumus bicara, peristiwa darurat itu masih lagi menjadi duri dalam daging yang sering dibincangkan, bahkan menimbulkan banyak pertikaian oleh pelbagai pihak dari gelanggang politik, bicara masyarakat sehinggalah ruang kandungan dalam sistem sukatan pelajaran hari ini.

Namun begitu, hal ini tidak seharusnya ditinggal sepi tanpa sebarang perbincangan wacana ilmiah bagi memperluas pengetahuan dan kefahaman masyarakat terhadap satu daripada kontroversi dalam lipatan sejarah Malaysia. Penulisan di sini hanyalah sekadar satu imbasan kepada masa lalu yang ingin membuktikan bahawa episod darurat tersebut merupakan antara gelanggang pertembungan ideologi politik antarabangsa antara blok demokrasi dengan blok komunis.

Sorotan penulisan ini bukanlah bertujuan untuk mengangkat British dan rakan-rakannya sebagai protagonis dan pihak komunis sebagai watak antagonis, namun lebih menentengahkan secara ringkas tentang episod pertembungan antara kedua-dua belah pihak tersebut.

Kesemua perkara berkenaan telah meninggalkan satu catatan yang penuh adegan serta drama dalam episod darurat yang mengambil tempat di Persekutuan Tanah Melayu selama 12 tahun. ■

